

**“KUMPULAN INI MUNGKIN BOLEH
MEMBANTU KE ARAH PENYELEWENGAN”**

PM tolak pemerhati pembangkang

UM 3 - JUL 1990

ALUR SETAR 2 Julai
**Perdana Menteri, Dato' Sri
Dr. Mahathir Mohamad** mene-
gaskan, kerajaan tidak perlu
kepada kumpulan pemerhati
pilihanraya yang dibentuk
oleh pembangkang kerana me-
reka penentang kerajaan.

Kumpulan pengesan pilihanraya itu dipeng-
erusikan oleh bekas Ketua Hakim Negara, Tun
Mohamed Suffian Hashim.

Menurut Perdana Menteri, anggota kumpulan
itu tidak boleh dipercayai kerana mereka menje-
lajah ke seluruh dunia dan memaki kerajaan.

Sambil menyebut nama-nama seperti Tun
Suffian Hashim, Tan Sri Ahmad Nordin dan Alir-
an, Perdana Menteri berkata, kumpulan ini terke-
nal sebagai anti kerajaan dan mereka tidak perlu
membantu kumpulan pemerhati pilihanraya dari-
pada negara-negara Komanwel yang dijemput
oleh kerajaan untuk mengikuti perjalanan pilih-

anraya umum akan datang.

Sebaliknya kata Perdana Menteri, kumpulan itu
mungkin boleh membantu ke arah penyeleweng-
an.

Dato' Sri Dr Mahathir mengulas cadangan
Tengku Razaleigh Hamzah supaya kumpulan pe-
merhati itu dibenarkan membantu kumpulan pe-
merhati pilihanraya dari negara-negara Koman-
wel apabila ditanya oleh para pemberita yang
menghadiri rumah terbuka sempena Hari Raya
Aidiladha di rumah kediaman beliau di Titi Gajah
dekat sini hari ini.

Tengku Razaleigh dalam ceramahnya di Selan-
dar, Melaka malam semalam dilaporkan sebagai
berkata dengan cara itu dapat memastikan perja-
lanan pilihanraya yang adil, bebas dan jujur.

Dato' Sri Dr Mahathir menegaskan lagi, keraja-
an tidak berniat menipu sesiapa sebab itu keraja-
an memutuskan untuk menjemput pemerhati pi-
lihanraya yang berkecuali, bukan kumpulan yang
sering mengutuk kerajaan dan bersikap berat se-
belah.

“Parti yang menang dalam pilihanraya kelak
mestilah dihormati oleh pihak yang kalah, jika
tak puas hati boleh rujuk ke mahkamah,” kata-
nya.